PANTUN BUDI

A) MAKSUD PANTUN
(PADANKAN PANTUN DENGAN MAKSUD YANG SESUAI)

R1	Tenang-tenang air di laut, Sampan kolek mudik ke tanjung; Hat terkenang mulut menyebut, Budi yang baik rasa nak junjung.	Budi yang baik akan sentiasa dikenang dan menjadi sebutan orang.
R2	Yang kurik kundi, Yang merah saga; Yang baik budi, Yang indah bahasa.	Orang yang baik mempunyai budi bahasa yang tinggi.
R3	Bunga melati bunga di darat, Bunga seroja di tepi kali; Hina besi kerana karat, Hina manusia tidak berbudi.	Orang yang tidak berbudi bahasa akan dipandang hina.
R4	Bunga cina di atas batu, Jatuh daunnya ke dalam ruang; Adat dunia memang begitu, Sebab emas budi terbuang.	Sudah menjadi lumrah dalam hidup, kekayaan lebih diutamakan daripada budi bahasa.
R5	Anak beruk di tepi pantai, Pandai melompat pandai menari; Biar buruk kain dipakai, Asal hidup pandai berbudi.	Biarlah kita hidup miskin asalkan kita sentiasa berbudi bahasa.
R6	Tingkap papan kayu bersegi, Sampan sakat di Pulau Angsa; Indah tampan kerana budi, Tinggi bangsa kerana bahasa.	Orang yang berbudi akan dipandang mulia, martabat bangsa dinilai dari segi bahasa dan tutur kata.
R7	Padang Temu Padang baiduri, Tempat raja membangun kota; Bijak bertemu dengan jauhari, Bagai cincin dengan permata.	Orang yang bijak akan kelihatan lebih hebat jika Bersama-sama dengan orang yang sama tarafnya.

B) TEMA

Masyarakat akan memandang _____ terhadap golongan yang berbudi bahasa kerana _____ menunjukkan identiti sesuatu bangsa.

C) PERSOALAN

1	Orang yang tidak _____bahasa akan dipandang _____.
2	Masyarakat Melayu amat mementingkan budi bahasa dan_____.
3	Ketinggian _____ sesuatu bangsa dinilai pada bahasa yang dituturkannya.
4	Golongan _____ tetap dipandang _____ jika mereka berbudi bahasa.

PILIHAN JAWAPAN							
tinggi	hina	bahasa	tutur kata	darjat	miskin	mulia	berbudi

LIVEWORKSHEETS

D) BENTUK PANTUN

1	Pantun ini terdiri daripada _____ rangkap.
2	Bilangan baris pada setiap rangkap adalah sama iaitu setiap rangkap _____ baris.
3	Ada _____ dan _____.
4	Jumlah _____ 4 hingga 7.

E) GAYA BAHASA

BIL	GAYA BAHASA	CONTOH
1	_____ (ulangan perkataan di hadapan)	Yang kurik kundi, Yang merah saga, Yang baik budi, Yang Indah bahasa.
2	Penggunaan _____	air; laut; tanjung; bunga melati;batu.
3	Peribahasa.	Bagai cincin dengan permata
4	_____ (perulangan perkataan yang sama di tengah ayat).	Indah tampan kerana budi, Tinggi bangsa kerana bahasa.

F) NILAI DAN PENGAJARAN

1	Nilai berbudi bahasa.	Kita mestilah mempraktikkan amalan berbudi bahasa agar sentiasa dipandang mulia oleh masyarakat
2	Nilai _____	Kita disarankan supaya menjadi golongan yang _____ agar dapat membantu untuk membangunkan bangsa dan negara.
3	Nilai mengenang _____.	Kita hendaklah mengenang jasa orang yang telah berbudi kepada kita.

PILIHAN JAWAPAN					
perkataan	maksudnya	pembayang	Anafora	Unsur alam	
kebijaksanaan	jasa	bijaksana	Responsi	empat	tujuh

LIVEWORKSHEETS